



Rujukan : KPM.100-1/7/32 (69)
Tarikh : 15 Mac 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato/Dr./Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sukacita saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bahagian Psikologi dan Kaunseling ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato/Dr./tuan/puan mengenai pengemaskinian pada Surat Pekeliling Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia no.ruj: KPM.100-1/7/32 (63) bertarikh 7 Disember 2022 yang terdapat pada Lampiran A berkaitan perkara-perkara berikut:

2.1 Perkara 11.4 : Terma Unit Psikologi dan Kaunseling di PPD

2.2 Perkara 11.5 : Terma Kaunselor Pendidikan Institut (Organisasi)

3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato/Dr./tuan/puan, pihak kami telah merujuk perkara tersebut kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi mendapatkan pengesahan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia no.ruj: KPM.500-2/1/6 (11) bertarikh 6 Mac 2023, terma Unit Psikologi dan Kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terdapat pada perkara 11.4 **ditukar** kepada **Sektor Psikologi dan Kaunseling**. Manakala terma Kaunselor Pendidikan Institut (Organisasi) pada perkara 11.5 **ditukar** kepada **Kaunselor Pendidikan Institut (Pentadbiran)**.

5. Bersama-sama ini dilampirkan semula Surat Pekeliling Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dikemaskini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat, pihak YBhg. Datuk/Dato/Dr./tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:


Nama : Encik Rosli bin Suyot
No.Telefon : 03-88721698 / 011-20641020 atau
e-mel : rosli.suyot@moe.gov.my

Nama : Cik Haslinda binti Hussein
No.Telefon : 03-88721684 / 019-9879035 atau
e-mel : haslinda.hussein@moe.gov.my.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SALMIAH BINTI MONSHIE)
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Haslinda/Pemurnian_Surat Pekeliling Perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling/Mydoc

SENARAI EDARAN

1. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
(u.p.: Dr. Nur Jannah binti Bali Mahomed)

2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bharu
JOHOR
(u.p.: Encik Maslizam bin Mohd)

3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Jalan Stadium,
05604 Alor Setar
KEDAH
(u.p.: Encik Mohd Azit bin Selamat)

4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu
KELANTAN
(u.p.: Puan Noor Azleen binti Che Mohamed)

5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
75450 Bukit Beruang
MELAKA
(u.p.: Puan Roslina binti. Ab Wahab)

6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN
(u.p.: Puan Nora Azlina binti Othman)

KPM.100-1/7/32 ()

7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG
(u.p.: Tuan Haji Rushdan bin Nordin@Noordin)
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK
(u.p.: Tuan Haji Zolkepli bin Zainol Din)
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS
(u.p.: Encik Latif bin Badri)
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG
(u.p. : Puan Norzila binti Md. Dali)
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai, Tanah Likas
88450 Kota Kinabalu
SABAH
(u.p.: Puan Alimah@Halimah binti Haji Ismail)
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik off Jalan Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK
(u.p.: Tuan Haji Mostaffa bin Haji Sidik)

KPM.100-1/7/32 ()

13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR
(u.p.: Encik Fatzlee bin Hashim)
14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU
(u.p.: Encik Shamsuddin bin Md. Yusof)
15. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
(u.p.: Encik Faizul Anuar bin Abdull Bazid)
16. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4,
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**
(u.p.: Encik Fadzil bin Haji Mohd. Jamil)
17. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
(u.p.: Tuan Haji Shamsul bin Dollah)



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry Of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072
Faks : 03-8889 5124
Laman web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM. 100-1/7/32 (63)

Tarikh : 7 Disember 2022

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN
KAUNSELING, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN
1 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan berkenaan **Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling** yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Psikologi, Versi 1.0 (2022) dan Pelan Strategik Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling 2023-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia menyasarkan untuk menyelaraskan pengoperasian perkhidmatan psikologi dan kaunseling di semua peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru. Oleh itu, garis panduan ini akan menjadi rujukan kepada semua Kaunselor Pendidikan dan Ketua Jabatan bagi memastikan kelancaran pengoperasian perkhidmatan.

PELAKSANAAN DAN TARIKH KUAT KUASA

3. Sehubungan dengan itu, KPM memutuskan bahawa surat pekelling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2022** dan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di setiap organisasi yang dinyatakan dalam perkara 2 di atas hendaklah mematuhi **Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM Bilangan 1 Tahun 2022**.

4. Bersama-sama dengan ini dilampirkan **Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM** seperti di **Lampiran A** untuk rujukan dan tindakan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian-bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs.Dr./Tuan/Puan.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)

s.k.:

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Ketua Unit Penasihat Undang-Undang

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
2. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
4. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
7. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
8. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

SENARAI EDARAN LUARAN

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Susur 7, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM

2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN

3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM

4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
75450 MELAKA

5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

7. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN

8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Gelugor
PULAU PINANG

9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah, Likas
88450 Kota Kinabalu
SABAH

10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK

11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50654 WP KUALA LUMPUR

15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 81097
87020 WP LABUAN

16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WP PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan **Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling** yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Takrif

- (a) "Aplikasi Psikologi" ertinya aktiviti psikologi dan kaunseling yang meliputi penilaian personel, pembangunan personel, penyelidikan dan intervensi;
- (b) "Instrumen" ertinya peralatan atau kaedah yang digunakan untuk mengukur, merekod dan menguji faktor seperti sikap, minat dan tingkah laku;
- (c) "Intervensi" ertinya langkah yang diambil dalam mewujudkan perubahan yang positif kepada warga KPM dan pelajar seperti aktiviti kaunseling, pembimbing rakan sekerja / siswa dan pementoran;
- (d) "Kaunseling" ertinya proses perhubungan menolong secara sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh berlandaskan etika kaunseling;
- (e) "Psikologi" ertinya cabang ilmu sains yang mengkaji tingkah laku, tindakan, pemikiran, proses mental, minda dan diri individu;
- (f) "SKPKP" ertinya Standard Kualiti Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi yang ditetapkan/ditentukan oleh BPsK sebagai peneraju perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk dilaksanakan di setiap peringkat organisasi;
- (g) "Ujian Psikologi" ertinya bentuk ujian yang telah diapiawaikan (ujian, inventori dan skala) untuk mengukur kecerdasan, kebolehan mental secara umum dan spesifik, kebolehan dalaman, nilai, minat, personaliti, motivasi dan bidang-bidang psikologi lain yang telah dibangunkan serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan;

- (h) "Warga KPM" ertinya seluruh kakitangan KPM di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kolej Matrikulasi (KM), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan sekolah;
- (i) "Pelajar" ertinya individu yang sedang mengikuti program atau melaksanakan pengajian di IPG dan KM;
- (j) "Pendekatan 3P" ertinya pendekatan pembangunan, pencegahan dan pemulihan dalam pelaksanaan aktiviti serta program psikologi dan kaunseling;
- (k) "Kaunselor Pendidikan" ertinya pengamal kaunseling yang bertugas di Bahagian KPM, JPN, PPD, KM dan IPG Kampus; dan
- (l) "IPG" adalah termasuk English Language Teaching Centre (ELTC).

3. Latar Belakang

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bermula pada tahun 1992 apabila tertubuhnya Unit Psikologi dan Kaunseling pada 1 Januari 1992 di JPA (yang kini dinaiktarafkan sebagai Bahagian Pengurusan Psikologi). Penubuhan Bahagian Pengurusan Psikologi di JPA telah mencetuskan perubahan dalam disiplin psikologi dan kaunseling yang memelopori pengurusan dan perkhidmatan kaunseling di sektor awam. Pada tahun 1998, Akta Kaunselor 1998 [Akta 580] telah diluluskan oleh Parlimen dan mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1998. Lembaga Kaunselor kemudiannya diwujudkan di bawah fungsi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kebajikan masyarakat.

Pada tahun 2002, Cawangan Kaunseling dan Keutuhan telah ditubuhkan di Bahagian Sumber Manusia KPM dan seterusnya berkembang menjadi Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) pada 1 Mac 2008. Pelaksanaan perkhidmatan psikologi dan kaunseling oleh BPsK adalah berpandukan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak JPA iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999: Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Psikologi di Agensi Awam.

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM yang diterajui oleh BPsK akan disasarkan kepada **seluruh warga KPM dan pelajar** (di IPG dan KM) yang mana ia akan dilaksanakan di setiap **organisasi** seperti yang berikut:

- (a) Warga KPM:
 - (i) Bahagian di KPM;
 - (ii) JPN;
 - (iii) PPD;
 - (iv) IPG;
 - (v) KM; dan
 - (vi) Sekolah.
- (b) Pelajar KPM:
 - (i) IPG; dan
 - (ii) KM.

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang diberikan kepada murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia akan dilaksanakan berdasarkan pekeliling dan panduan sedia ada. Manakala BPsK pula akan melaksanakan peranan dengan memastikan perkhidmatan tersebut mematuhi dasar perkhidmatan kaunseling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan memperkasakan kecekapan dan kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling di KPM pula akan memberi fokus kepada tiga pendekatan utama iaitu Pendekatan 3P yang diperincikan seperti yang berikut:

- (a) **Pendekatan pembangunan** yang memberi fokus terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program psikologi dan kaunseling serta peningkatan potensi dan prestasi selaras dengan objektif individu dan organisasi;
- (b) **Pendekatan pencegahan** pula memberi fokus kepada penggunaan kaedah psikologi dan kaunseling yang sesuai bagi memastikan kualiti warga KPM melalui proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi dan pembangunan kompetensi; dan
- (c) **Pendekatan pemulihan** memberi fokus menyediakan program psikologi dan kaunseling untuk individu membuat perubahan dengan mempertingkatkan keupayaan mengurus emosi, tingkah laku dan pemikiran.

4. Visi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM

"Peneraju Pemerkasaan Kesejahteraan Insan"

5. Misi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM

"Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Untuk Memperkembangkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara"

6. Sumber Rujukan

- (a) Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*];
- (b) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];
- (c) Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor Malaysia;
- (d) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Pengurusan Psikologi, Versi 1.0(2022);
- (e) Falsafah Pendidikan Kebangsaan; dan
- (f) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

7. Pelaksanaan Aplikasi Psikologi dan Kaunseling

Aplikasi psikologi dan kaunseling bagi pengurusan warga KPM merupakan aktiviti yang menumpukan kepada elemen pemikiran, tingkah laku dan emosi individu di tempat kerja. Aktiviti yang dijalankan merupakan usaha penambahbaikan berterusan terhadap pengurusan modal insan. Ia meliputi penilaian dan pembangunan warga KPM serta penyelidikan dan intervensi. Seterusnya ia dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan warga KPM dalam usaha mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan harmoni.

Empat (4) skop aplikasi psikologi dan kaunseling dalam pengurusan sumber warga KPM adalah seperti di bawah:

- (a) Aplikasi psikologi dan kaunseling dalam penilaian personel serta peribadi warga KPM dan pelajar adalah seperti berikut:

(i) Warga KPM

Bertujuan mengurus psikologi dan kaunseling warga KPM dalam memahami minat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini digunakan semasa urusan pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi, pembangunan kompetensi dan pra persaraan. Ia juga boleh digunakan dalam urusan temuduga berstruktur berasaskan ciri tingkah laku atau situasi; dan

(ii) Pelajar

Bertujuan mengurus psikologi dan kaunseling pelajar dalam memahami minat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini digunakan semasa urusan pemilihan dan penempatan serta hala tuju kerjaya. Ia juga boleh digunakan dalam urusan temu duga berstruktur berasaskan ciri tingkah laku atau situasi.

(b) Aplikasi psikologi dan kaunseling dalam pembangunan personel serta peribadi warga KPM dan pelajar adalah seperti berikut:

(i) Warga KPM

Bertujuan mewujudkan warga KPM yang memiliki nilai dan etika kerja serta sikap yang positif. Ia melibatkan aktiviti khidmat runding; peningkatan motivasi dan kepuasan kerja. Sehubungan itu, aplikasi ini menyediakan cadangan pelaksanaan yang berkaitan dengan aspek psikologi dan kaunseling dalam pembangunan sendiri. Ia dapat menerapkan kemahiran mengurus isu dan masalah psikologi di tempat kerja seperti pengurusan emosi, stres, perubahan sikap dan set minda, perhubungan individu, peningkatan motivasi dan lain-lain. Aplikasi ini boleh digunakan kepada semua warga KPM; dan

(ii) Pelajar

Bertujuan membentuk pelajar yang memiliki nilai dan etika serta sikap yang positif. Ia melibatkan aktiviti bimbingan, peningkatan motivasi dan pencapaian bidang pengajian. Sehubungan itu, aplikasi ini menyediakan cadangan pelaksanaan yang berkaitan dengan aspek psikologi dan kaunseling dalam pembangunan sendiri. Ia dapat menerapkan kemahiran mengurus isu/masalah psikologi di IPG dan KM seperti pengurusan emosi, stres, perubahan sikap dan set minda, perhubungan individu, peningkatan motivasi dan lain-lain yang berkaitan.

(c) Aplikasi penyelidikan psikologi dan kaunseling adalah seperti berikut:

(i) Warga KPM

Bertujuan mengkaji permasalahan warga KPM di tempat kerja seperti faktor pencetus, penghalang motivasi, interaksi antara manusia dengan peralatan dan sistem kerja (ergonomik). Seterusnya ia dapat menyediakan input dan maklumat yang boleh digunakan untuk penambahbaikan pengurusan sumber manusia di dalam perkhidmatan awam; dan

(ii) Pelajar

Bertujuan mengkaji permasalahan/isu pelajar IPG dan KM seperti faktor pencetus dan penghalang motivasi daripada aspek luaran dan dalaman. Seterusnya, ia juga dapat menyediakan input dan maklumat yang boleh digunakan untuk penambahbaikan Pendekatan 3P.

(d) Aplikasi psikologi dan kaunseling dalam intervensi adalah seperti berikut:

(i) Warga KPM

Bertujuan membangun dan membantu warga KPM mengurus masalah secara lebih berkesan melalui Program Pengupayaan Kendiri yang mengandungi aktiviti kaunseling, pementoran dan pembimbing rakan sekerja; dan

(ii) Pelajar

Bertujuan membangun dan membantu pelajar mengurus masalah/isu secara lebih berkesan melalui Pendekatan 3P yang mengandungi aktiviti bimbingan kaunseling sama ada secara individu/kelompok dan penyediaan/pemantapan kumpulan pembimbing rakan siswa/rakan dinamik bagi mencapai objektif yang diinginkan.

8. Fungsi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM

BPsK akan bertindak sebagai penggubal dasar bagi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM. IPGM, BM dan JPN pula akan melaksanakan peranan sebagai ketua pengoperasian perkhidmatan. Manakala IPG, KM dan PPD berperanan sebagai pelaksana perkhidmatan.

8.1 Fungsi BPsK adalah seperti berikut:

- (a) Menerajui pembangunan pelan induk perkhidmatan psikologi dan kaunseling berdasarkan dasar sedia ada dan baharu di KPM;
- (b) Mengetuai khidmat kepakaran dan sumber rujukan kaunseling/ bimbingan/konsultasi/advokasi kepada warga KPM bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling;
- (c) Mengetuai operasi penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam aspek Pendekatan 3P bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai;
- (d) Mengetuai pelan induk kesejahteraan dan pemantapan nilai organisasi serta jalinan dan jaringan dengan agensi luar bagi pemantapan organisasi;
- (e) Mengetuai dan melaksanakan pelan induk kompetensi dan kualiti kaunselor pendidikan KPM;
- (f) Mengetuai pematuhan SKPKP bagi mencapai objektif perkhidmatan psikologi dan kaunseling;
- (g) Memacu pentadbiran pengurusan data maklumat psikologi dan kaunseling KPM;
- (h) Mengetuai pengenalpastian dan menganalisis isu perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang mempunyai implikasi kepada dasar sedia ada dan baharu di KPM dan;
- (i) Mengetuai pembinaan, adaptasi, pentadbiran, pentaksiran, pentafsiran, penataran, latihan, pensijilan instrumen psikologi dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling KPM.

8.2 Fungsi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling IPGM, BM dan JPN adalah seperti yang berikut:

(a) IPGM dan BM

- (i) Merancang strategi pengurusan dan pentadbiran bagi memastikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dapat dilaksanakan dengan berkesan;
- (ii) Melaksanakan khidmat kepakaran kaunseling/bimbingan/konsultasi/advokasi kepada warga KPM bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling;
- (iii) Merancang operasi penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam aspek Pendekatan 3P bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai;
- (iv) Merancang dan melaksanakan pembangunan kompetensi dan kualiti kaunselor pendidikan di organisasi masing-masing;
- (v) Memastikan SKPKP dipatuhi oleh setiap organisasi yang ditadbir urus melalui kaedah pemantauan dan penyeliaan bagi mencapai objektif perkhidmatan psikologi dan kaunseling; dan
- (vi) Mentadbir urus data maklumat perkhidmatan psikologi dan kaunseling bagi memastikan objektif perkhidmatan psikologi dan kaunseling tercapai.

(b) JPN

- (i) Merancang strategi pengurusan dan pentadbiran bagi memastikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dapat dilaksanakan dengan berkesan;
- (ii) Melaksanakan khidmat kepakaran kaunseling/bimbingan/konsultasi/advokasi kepada warga KPM bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling;
- (iii) Merancang operasi penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam aspek Pendekatan 3P bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai;

- (iv) Merancang dan melaksanakan pembangunan kompetensi dan kualiti kaunselor pendidikan di organisasi masing-masing;
- (v) Memastikan SKPKP dipatuhi oleh setiap organisasi yang ditadbir urus melalui kaedah pemantauan dan penyeliaan bagi mencapai objektif perkhidmatan psikologi dan kaunseling; dan
- (vi) Mentadbir urus data maklumat perkhidmatan psikologi dan kaunseling menggunakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling (e-2PK) bagi memastikan objektif perkhidmatan psikologidan kaunseling tercapai.

8.3 Fungsi Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling PPD, IPG dan KM adalah seperti yang berikut:

- (a) Melaksanakan pelan strategik perkhidmatan psikologi dan kaunseling.
- (b) Melaksanakan khidmat kepakaran kaunseling/bimbingan /konsultasi/advokasi kepada warga KPM bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling;
- (c) Melaksanakan operasi penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam aspek Pendekatan 3P;
- (d) Mematuhi SKPKP di peringkat organisasi; dan
- (e) Menguruskan pengurusan data maklumat perkhidmatan psikologi dan kaunseling.

9. Penyeragaman Gelaran Jawatan Kaunselor Pendidikan pada Carta Organisasi

Penyeragaman gelaran jawatan Kaunselor Pendidikan pada carta organisasi diimplementasikan di JPN, PPD, IPG dan KM. Gelaran Kaunselor Pendidikan adalah seperti berikut:

- 9.1 JPN : Ketua Kaunselor Pendidikan Negeri (KKPN) dan Kaunselor Pendidikan Negeri (KPN);
- 9.2 PPD : Kaunselor Pendidikan Daerah (KPD);
- 9.3 IPG : Ketua Kaunselor Pendidikan Institut (KKPI)Kaunselor Pendidikan Institut (KPI); dan
- 9.4 KM : Ketua Kaunselor Pendidikan Kolej (KKPK)Kaunselor Pendidikan Kolej (KPK).


10. Pelantikan seorang Ketua Kaunselor Pendidikan Kolej (KKPK)

Ketua Jabatan hendaklah melantik KKPK sekiranya terdapat lebih dari seorang Kaunselor Pendidikan Kolej (KPK) di KM. Kriteria KPK yang boleh dilantik berdasarkan kriteria seperti yang berikut:


- a) Kekananan KPK dalam perkhidmatan;
- b) Kekananan KPK di KM; atau
- c) Budi bicara Ketua Jabatan berdasarkan kredibiliti dan profesionalisme KPK.

11. Carta Organisasi


11.1 BPSK




11.1 JPN




11.2 IPGM




11.3 BM




11.4 PPD



11.5 IPG




11.6 ELTC




11.6 KM

(a) Carta organisasi bagi KM yang mempunyai dua, tiga atau empat perjawatan Kaunselor Pendidikan



- Perjawatan Ketua Kaunselor Pendidikan Kolej (KKPI) adalah dilantik secara dalaman oleh Ketua Jabatan. (rujuk perenggan 10)

- (b) Carta organisasi bagi KM yang mempunyai satu perjawatan Kaunselor Pendidikan



12. Syarat Kelayakan Kaunselor Pendidikan

12.1 Kaunselor Pendidikan perlu memiliki:

- (a) Ijazah sarjana muda dalam bidang kaunseling atau sarjana muda bukan dalam bidang kaunseling dan diikuti dengan pengajian peringkat sarjana dalam bidang kaunseling yang diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor (Malaysia);
- (b) Ikhtisas pendidikan; dan
- (c) Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor (Malaysia) dan mempunyai perakuan amalan yang sah mengikut Akta 580.

12.2 Menurut seksyen Akta 580 seseorang kaunselor hendaklah didaftarkan. Perkara ini diperuntukkan secara jelas dalam seksyen 22 Akta 580 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

"Kaunselor hendaklah didaftarkan

22. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) *mengamalkan atau menjalankan atau mengendalikan, atau mengemukakan dirinya sebagai mengamalkan atau menjalankan atau mengendalikan, amalan sebagai kaunselor atau bekerja sebagai kaunselor;*

(b) menggunakan gelaran "kaunselor berdaftar" atau apa-apa gelaran dalam apa-apa bahasa yang mungkin semunasabahnya ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa dia seorang kaunselor berdaftar; atau

(c) menggunakan atau mempamerkan apa-apa tanda, papan, kad atau reka bentuk lain yang menggambarkan atau menunjukkan bahawa dia seorang kaunselor berdaftar, melainkan jika dia didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

13. Kemudahan infrastruktur Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling di setiap peringkat organisasi KPM hendaklah mempunyai kemudahan infrastruktur seperti berikut:

13.1 Pejabat Pengurusan dan Pentadbiran

- (a) Ruang kerja Kaunselor Pendidikan;
- (b) Ruang kerja Pembantu Tadbir (IPGM dan JPN);
- (c) Bilik Mesyuarat / Perbincangan; dan
- (d) Kaunter pejabat.

13.2 Bilik Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling


- (a) Bilik Sesi Kaunseling Individu;
- (b) Bilik Sesi Kaunseling Kelompok;
- (c) Bilik Terapi (*Distress Centre*); dan
- (d) Ruang menunggu.

13.3 Peralatan

- (a) Perabot yang bersesuaian berdasarkan keperluan;
- (b) Peralatan elektrik yang bersesuaian seperti kipas, lampu, pendingin hawa berdasarkan keperluan; dan
- (c) Peralatan elektronik yang bersesuaian seperti komputer, alat pencetak berdasarkan keperluan.

Kemudahan infrastruktur Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM hendaklah berada di lokasi yang mudah diakses oleh warga KPM dan menitikberatkan aspek kondusif, terapeutik dan mengambil kira aspek keselamatan.

Cadangan Spesifikasi Pelan Asas Bilik Kaunseling



14. Bidang Tugas Kaunselor Pendidikan

14.1 Pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling

- (a) Mengurus tadbir perkhidmatan psikologi dan kaunseling di peringkat organisasi dan institusi pendidikan;
- (b) Merancang strategi perkhidmatan psikologi dan kaunseling di peringkat organisasi dan institusi pendidikan; dan
- (c) Menyediakan sasaran kerja tahunan/perancangan tahunan dan garis masa pencapaian berdasarkan *Key Performance Indicator (KPI)* perkhidmatan psikologi dan kaunseling KPM.

14.2 Aplikasi perkhidmatan psikologi dan kaunseling

- (a) Mengenal pasti keperluan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di peringkat organisasi dan institusi pendidikan; dan
- (b) Melaksana dan mengawal selia sesi kaunseling, bimbingan, advokasi, konsultasi secara profesional dan beretika di peringkat organisasi dan institusi pendidikan.

14.3 Pengurusan rekod

Mengurus dan mengawal selia data dan rekod perkhidmatan psikologi dan kaunseling di peringkat organisasi melalui Sistem Pengurusan perkhidmatan Kaunseling (e-2PK).

14.4 Pengurusan latihan pembangunan kompetensi

Peranan pembangunan kompetensi Kaunselor Pendidikan dilaksanakan oleh BPsK, BM, IPGM dan JPN.

Merancang, melaksana dan mengurus pembangunan kompetensi dan program peningkatan kaunselor pendidikan dan guru bimbingan dan kaunseling di peringkat organisasi dan institusi pendidikan.

14.5 Pengurusan Pendekatan 3P

Melaksana program dan aktiviti yang melibatkan Pendekatan 3P di peringkat organisasi masing-masing dengan mengambil kira Pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa seperti yang berikut

- a) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Pengurusan Psikologi, Versi 1.0 (2022);
- b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7/2015; Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bagi Pegawai Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam; dan
- c) Garis Panduan Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JPA.

14.6 Penyampaian maklumat perkhidmatan psikologi dan kaunseling

- a) Merancang, menyediakan dan menyebarkan maklumat psikologi dan kaunseling melalui kaedah yang bersesuaian;
- b) Menjalankan peranan sebagai pegawai penghubung organisasi berkaitan dengan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dengan agensi luar yang berkaitan; dan
- c) Memantau dan menyelia perkhidmatan psikologi dan kaunseling di peringkat organisasi masing-masing.

14.7 Ujian Psikologi

- a) Mengurus segala aspek berkaitan ujian psikologi;
- b) Mentadbir dan melaksanakan ujian psikologi;
- c) Membuat interpretasi ujian psikologi;
- d) Menganalisis dan menyediakan laporan berkaitan ujian Psikologi; dan
- e) Mengurus dan mengawal selia data dan rekod perkhidmatan ujian psikologi di peringkat organisasi melalui Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling (e-2PK).

15. Piawai Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling KPM

- 15.1 SKPKP merupakan piawai yang hendaklah dipatuhi oleh setiap organisasi yang menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di KPM serta di kawal selia oleh BPsK.
- 15.2 SKPKP menjelaskan tentang fokus utama perkhidmatan psikologi dan kaunseling di setiap organisasi KPM melalui dimensi hala tuju perkhidmatan, pengurusan organisasi, pengurusan perkhidmatan, Pendekatan 3P, budaya kerja pencapaian diutamakan, profesionalisme kaunselor, sumbangan dan pengiktirafan.
- 15.3 Penyeliaan dan Semakan Silang
 - (a) BPsK menjalankan pemantauan dan penyeliaan ke atas Sektor Psikologi dan Kaunseling di JPN, IPGM dan BM;
 - (b) JPN menjalankan penyeliaan ke atas Unit Psikologi dan Kaunseling di PPD;
 - (c) IPGM menjalankan penyeliaan ke atas Unit Psikologi dan Kaunseling di IPG;
 - (d) BM pula menjalankan penyeliaan ke atas Unit Psikologi dan Kaunseling di KM; dan
 - (e) BPsK menjalankan semakan silang ke atas BM, IPGM, JPN, PPD, IPGK dan KM.




Diagram Penyeliaan dan Semakan Silang SKPKP

_____ Penyeliaan

..... Semakan silang

*Penyeliaan - bermaksud bimbingan daripada BM dan JPN kepada organisasi di bawah seliaan bagi memastikan kriteria SKPKP dipatuhi tanpa melibatkan elemen pemarkahan.

*Semak silang-bermaksud proses yang dilakukan oleh BPsK untuk memastikan pemarkahan sendiri yang dibuat oleh organisasi selaras dengan pemarkahan SKPKP.

16. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)

Instrumen Penilaian Bersepadu PPP bagi Kaunselor Pendidikan adalah seperti berikut:

Instrumen Penilaian Bersepadu PPP	Perjawatan
PT(B)	Kaunselor Pendidikan di: <ul style="list-style-type: none">● BPsK● IPGM● BM● JPN
Kaunselor	Kaunselor Pendidikan di: <ul style="list-style-type: none">● IPG● KM● PPD

17. Penutup

Keseragaman pengurusan pentadbiran perkhidmatan psikologi dan kaunseling KPM ini akan memacu usaha kolaboratif KPM bagi menjamin kesejahteraan warga KPM disetiap peringkat organisasi dan institusi pendidikan KPM.

18. Tarikh Kuat Kuasa

Garis Panduan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022.

Disediakan oleh:

Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Kementerian Pendidikan Malaysia